

PERATURAN PERMAINAN KAYAK

1 PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang – Undang permainan

1.1.1 Merujuk kepada Undang-undang International Canoe Federation (ICF) dan diubahsuai oleh Persatuan Kanu Malaysia (MASCA) dan Majlis Sukan Universiti Malaysia.

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2026.

2 UNDANG-UNDANG / PERATURAN

2.1 Pertandingan akan dijalankan sebanyak 10 acara untuk Kayak

LELAKI	WANITA	CAMPURAN
Kayak TK1 (200m)	Kayak TK1 (200m)	Kayak TK2 (200m)
Kayak TK2 (200m)	Kayak TK2 (200m)	Kayak K2 (200m)
Kayak K1 (200m)	Kayak K1 (200m)	
Kayak K2 (200m)	Kayak K2 (200m)	

2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.2.1 Maksima 8 orang atlet lelaki (8 kayak), 8 orang atlet Wanita (8 kayak) dan 2 orang pegawai.

2.2.2 Maksima 1 penyertaan untuk setiap acara.

2.2.3 Bilangan pemain dan pegawai bagi setiap pasukan adalah seperti berikut:

SUKAN	ATLET LELAKI	ATLET WANITA	PEGAWAI
	Atlet	Atlet	
Kayak	8	8	2
Jumlah	8	8	2

2.2.4 Setiap universiti hanya boleh menghantar satu penyertaan sahaja untuk setiap acara.

2.2.5 Setiap peserta hanya dibenarkan bermain SATU (1) acara sahaja.

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Setiap peserta dimestikan memakai jaket keselamatan semasa sesi latihan dan pertandingan dijalankan. Peserta yang gagal mematuhi arahan tidak akan dibenarkan menyertai pertandingan.

2.3.2 Semua kayak hendaklah berada dalam satu barisan di garisan permulaan semasa perlumbaan sedia dimulakan.

2.3.3 'Starters' (pelepas) akan memulakan perlumbaan dengan menyebut "READY", "SET" dan "GO" atau diikuti dengan bunyi hon untuk isyarat berlepas.

2.3.4 Peserta yang melakukan kesalahan semasa pelepasan "False Start" yang kedua dan seterusnya dalam satu perlumbaan akan dikeluarkan dari pertandingan.

- 2.3.5 Peserta yang keluar dari lorong yang telah ditentukan akan dibatalkan penyertaan.
- 2.3.6 Sekiranya kayak peserta terbalik (capsize) semasa perlumbaan, penyertaannya akan dibatalkan.
- 2.3.7 Kayak pertama yang hujung “Bow” nya melintas di garisan penamat bersama semua “paddlers” di dalamnya, akan dikira sebagai pemenang.
- 2.3.8 Semua peserta dikehendaki mematuhi “TRAFFIC RULE” semasa latihan dan juga pertandingan.

2.4 Masa Melapor Diri

- 2.4.1 Peserta-peserta hendaklah bersedia 15 minit sebelum acara yang disertai dijalankan dan hendaklah melaporkan diri apabila acara tersebut diumumkan oleh pengelola.
- 2.4.2 Setiap acara akan dijalankan mengikut masa yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola berhak meminda susunan acara jika perlu. Jika berlaku sebarang pindaan, pengurus-pengurus pasukan akan dimaklumkan.

3 PENYERTAAN

- 3.1 Semua kayak akan disediakan oleh pengelola. Peserta boleh menggunakan kayak sendiri tetapi perlulah menyerahkan kepada pengelola untuk semakan dan kelulusan teknikal.
- 3.2 Pihak pengelola tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan yang berlaku ke atas peralatan yang digunakan di dalam perlumbaan. Setiap

pasukan dinasihat untuk memeriksa peralatan sebelum berlepas ke tempat permulaan.

3.3 Pasukan tidak dibenarkan menukar kayak sebaik sahaja berlepas ke tempat permulaan.

3.4 Semua peserta dikehendaki membawa paddle (pendayung) sendiri.

3.5 Penggunaan jaket keselamatan peribadi adalah diwajibkan digunakan oleh setiap pendayung kayak.

4 HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT 2026.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan:

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
TK1 Lelaki	1	1	1	1	1	1
TK1 Wanita	1	1	1	1	1	1
TK2 Lelaki	1	2	1	2	1	2
TK2 Wanita	1	2	1	2	1	2
TK 2 Campuran	1	2	1	2	1	2
K1 Lelaki	1	1	1	1	1	1
K1 Wanita	1	1	1	1	1	1
K2 Lelaki	1	2	1	2	1	2
K2 Wanita	1	2	1	2	1	2
K 2 Campuran	1	2	1	2	1	2
JUMLAH	10	16	10	16	10	16